

Kawalan sempadan diketat

UM 26 AUG 2001

Laporan itu juga menyebut permintaan tinggi dari 'broker senjata' dan pihak tertentu dari Malaysia sejak beberapa bulan kebelakangan ini, menyebabkan harga senjata api termasuk pistol naik berlipat ganda terutama di pasaran gelap di Sungai Golok.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan memang tahu ada golongan militan di negara ini mendapat senjata api yang diseludup dari negara jiran menyebabkan permintaan senjata api dari negara berkenaan bertambah.

"Ya, kita tahu ada orang yang terlibat dalam golongan militan mendapat senjata api seperti (raifal) M-16 dan semua senjata api lain," tambahnya.

Perdana Menteri juga ditanya sama ada penyeludupan senjata api itu turut melibatkan kumpulan militan KMM.

Beliau menegaskan: "Ya, kumpulan ini juga membeli senjata. Kita tahu dia beli senjata dari merata tempat."

Mengulas mengenai kegiatan badan-badan bukan kerajaan (NGO) menggunakan pelajar untuk menentang kerajaan, beliau berkata, kerajaan akan mengawal gejala itu memandangkan ia semakin menjadi-jadi.

Berhubung amaran Indonesia bahawa rancangan Malaysia untuk mengenakan hukuman sebat terhadap pendatang haram serta majikan mereka boleh menjejaskan hubungan kedua-dua negara, Dr. Mahathir berkata, perkara itu tidak timbul.

"Singapura pun mengenakan hukuman yang sama, adakah hubungan kedua-dua negara itu terjejas?" soalnya.

Dr. Mahathir juga berka-

ta, beliau tidak tahu sama ada Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri akan membangkitkan perkara itu dalam lawatannya ke Malaysia yang bermula Isnin ini.

"Tetapi (pendatang haram) yang datang (ke negara) ini kadang-kadang pengganas pun ada," ujar beliau lagi.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu pemberita di Pekan, Pahang bahawa tiga batalion tentera ditugaskan di sempadan bagi mengawal keselamatan negara termasuk soal berkaitan penyeludupan senjata api.

Najib berkata, adalah terlalu sukar untuk memastikan sepenuhnya aktiviti penyeludupan berikutan sempadan negara yang luas.

"Kita perlu sedar bahawa sempadan kita luas dan pengawalan amat sukar dilakukan, tetapi kita akan cuba memainkan peranan untuk mencegah penyeludupan," katanya selepas merasmikan mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Datuk Mahmud Mat di Pekan.

Ketika ditanya sama ada terdapat anggota tentera terbabit secara langsung dengan penyeludupan atau memberikan latihan berkenaan penggunaan senjata yang diseludup itu, Najib menolak kemungkinan itu.

"Mereka (pembeli dan penyeludup senjata) tidak sukar untuk mengendalikannya senjata, sebab senjata seperti M-16 dan pistol misalnya adalah mudah untuk dikendalikan.

"Senjata itu tidak begitu kompleks, dengan pengetahuan asas pun mereka dapat mengendalikannya," katanya.